



## PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN JELI

17600 JELI, KELANTAN.

### KENYATAAN SEBUTHARGA

Ruj. Kami : PTJJ 700/1/1/3(03)  
Tarikh : 05 Syawal 1447H  
25hb. Mac 2026

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang beralamat di Jajahan Jeli yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dengan gred, kategori, dan pengkhususan yang berkaitan, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** berdaftar di **Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli** dan masih dibenarkan membuat tawaran :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK PROJEK	GREED	KATEGORI/ PENGKHUSUSAN
SEBUT HARGA NO.: PTJJ(P)02/2026	KERJA-KERJA MENYELENGGARA JALAN KROZI SEBERANG RABBANA, MUKIM JELI, AYER LANAS, JELI, KELANTAN.	G1	CE/CE01
SEBUT HARGA NO.: PTJJ(P)03/2026	KERJA-KERJA MENYELENGGARA JALAN CHE MAT DESA RABBANA, MUKIM JELI, AYER LANAS, JELI, KELANTAN.	G1	CE/CE01
SEBUT HARGA NO.: PTJJ(P)04/2026	KERJA-KERJA MENYELENGGARA JALAN CIKGU RAZALI KAMPUNG KULIM, LAKOTA, AYER LANAS, JELI, KELANTAN.	G1	CE/CE01
SEBUT HARGA NO.: PTJJ(P)05/2026	KERJA-KERJA MENYELENGGARA JALAN SYED NOH, KG. KALAI, DUN AYER LANAS, JELI, KELANTAN.	G1	CE/CE01
SEBUT HARGA NO.: PTJJ(P)06/2026	KERJA-KERJA MENYELENGGARA JALAN BECHAH KELUBI, KG. SUNGAI SATAN, AYER LANAS, JELI, KELANTAN.	G1	CE/CE01
SEBUT HARGA NO.: PTJJ(P)07/2026	KERJA-KERJA MENYELENGGARA JALAN CHEGAR BEDIL, KAMPUNG DALAM REKA, KUALA BALAH, JELI, KELANTAN.	G1	CE/CE01
SEBUT HARGA NO.: PTJJ(P)08/2026	KERJA-KERJA MENYELENGGARA JALAN RENYUK, KAMPUNG CHEGAR BEDIL, KUALA BALAH, JELI, KELANTAN.	G1	CE/CE01
SEBUT HARGA NO.: PTJJ(P)09/2026	KERJA-KERJA MEMBINA LINTASAN KAMPUNG JEREK, BATU MELINTANG, JELI, KELANTAN.	G1	CE/CE21

Ruj. Kami : PTJJ 700/1/1/3(03)  
 Tarikh : 05 Syawal 1447H  
 25hb. Mac 2026

Sambungan dari Muka Surat 1/2

Kontraktor yang layak dan berminat untuk menyertai sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi **PENDAFTARAN** dan **TAKLIMAT SEBUT HARGA** pada tarikh, masa, dan tempat yang ditetapkan dengan membawa bersama **DOKUMEN ASAL YANG TERKINI SAHAJA** seperti berikut:-

- i. Sijil Perakuan Pendaftaran (**CIDB**),
- ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**),
- iii. Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (**STB**),
- iv. Sijil Perakuan Pendaftaran (**SSM**),
- v. Cop Rasmi Syarikat,
- vi. Kad Pengenalan asal penama / tuan punya syarikat.

TARIKH PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT	02/04/2026 (KHAMIS)
MASA PENDAFTARAN	JAM 10:00 PAGI HINGGA 11:30 PAGI
TEMPAT PENDAFTARAN	ARAS 1 PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN JELI
MASA TAKLIMAT	JAM 11:30 PAGI
TEMPAT TAKLIMAT	BILIK GERAKAN PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN JELI
LAWATAN TAPAK	TIADA
TEMPAT PEMBELIAN BORANG	BAHAGIAN PEMBANGUNAN PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN JELI
TARIKH PEMBELIAN BORANG	02/04/2026 (KHAMIS) HINGGA 09/04/2026 (KHAMIS)
MASA PEMBELIAN BORANG	JAM 09:00 PAGI HINGGA 03:00 PETANG

- 1) Penyebut harga **DIWAJIBKAN MENDAFTAR DAFTAR PEMBORONG BAGI TAHUN 2026** terlebih dahulu sebelum dibenarkan membuat pembelian borang sebut harga.
- 2) Hanya **PENAMA / TUAN PUNYA SYARIKAT YANG SAH SAHAJA** dibenarkan mengambil bahagian dalam sebut harga ini. Wakil / rakan kongsi kontraktor yang tiada nama dalam pendaftaran CIDB tidak layak untuk terlibat dalam sebut harga ini.
- 3) **KEBENARAN KHAS (KK) CIDB TIDAK DIBENARKAN** menyertai sebut harga ini.
- 4) Kontraktor hendaklah atas inisiatif sendiri melawat tapak berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kenyataan sebut harga ini.
- 5) Dokumen sebut harga boleh dibeli **SECARA TUNAI** dengan harga **RM50.00** senaskah diatas nama **KETUA JAJAHAN**, Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli pada tarikh, masa, dan tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam kenyataan sebut harga ini.
- 6) Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dengan mencatatkan **TAJUK** dan **NO.SEBUT HARGA** di bahagian atas sebelah kiri sampul dan dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** yang disediakan oleh Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli sebelum atau pada **09/04/2026 (KHAMIS) JAM 12:00 TENGAHARI**.

Sekian.

**“ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI DIBERKAT, RAJA BERDAULAT”**  
**“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(IKHWAN BIN MAT YASIN@HASHIM)**  
 Ketua Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan)  
 b.p: KETUA JAJAHAN JELI

